

# PEMIKIRAN RAPUH JOSEPH SCHACHT TERHADAP KRITIKAN HADITH: TUMPUAN TERHADAP ISU TADWIN AL-HADITH

Abu Dzar Ahmad & Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi

Jabatan Quran Sunah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

## Abstrak

*Tadwin al-Hadith adalah bukti kukuh kewujudan hadith yang direkod mengikut piawaian dan disiplin ilmu sanad. Pembukuan hadith ini juga bergantung kepada individu yang diiktiraf ketokohnanya menurut ulama nuqqad. Namun, orientalis Barat telah muncul dengan pemikiran dan pandangan tersendiri terhadap hadith-hadith yang dibuku berdasarkan penghujahan mereka yang tidak konkret. Pemikiran orientalis yang mempertikaikan Tadwin al-Hadith terlalu rapuh untuk dijadikan sandaran. Oleh itu, artikel ini menganalisis pemikiran orientalis khususnya Joseph Schacht terhadap kronologi pembukuan hadith. Kajian ini menggunakan teknik penyelidikan perpustakaan secara deskriptif. Kajian ini juga menunjukkan pemikiran Joseph Schacht bertentangan dengan prinsip Islam sebenar bahkan meragukan masyarakat untuk dirujuk. Oleh demikian, sebagai konklusi kajian ini akan membincangkan kedangkalan pemikiran yang dicetuskan oleh Joseph Schacht serta menjawab setiap kenyataan dengan sanggahan yang dirumus.*

**Kata Kunci:** pemikiran orientalis, Joseph Schacht, Tadwin al-Hadith, sanggahan.

## Perkembangan Artikel

Diterima: 23/9/2020

Disemak: 10/11/2020

Diterbitkan: 15/12/2020

## Penulis Utama:

Abu Dzar Ahmad  
Jabatan Quran dan Sunnah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad Shah  
(KUIPSAS), Kuantan,  
Pahang, Malaysia

## E-mel:

abudzar@kuipsas.edu.my

## PENGENALAN

Realiti kehidupan hari ini amat bersifat dinamik kerana perkembangan pemikiran bertunjangkan Islam meluas dalam masyarakat. Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada baginda Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril yang diriwayatkan secara *mutawatir*. Selain al-Quran, hadith adalah ilmu yang membicarakan tentang isi kandungan dan penerang kepada wahyu mengikut kaedah dan pemahaman metodologi tekstual dan kontekstual berdasarkan kerangka ilmu *riwayah* dan ilmu *dirayah* (Abullais, 2011).

Namun, tidak dinafikan berlaku kesukaran dalam memahami keterangan dalil terhadap hadith menimbulkan kedangkalan golongan yang mendukung orientalis sehingga mereka ‘mentafsirkan’ kenyataan hadith dan ilmu-ilmunya mengikut persepsi mereka. Bahkan wujud dalam kalangan mereka mempertikaikan analisis periwayatan hadith dan mempersoalkan pandangan sejarah mengenai periwayatan *al-Kitabah* dan *al-Tadwin* hadith (Abdul Aziz Muhammad Ibrahim, 2012).

Oleh yang demikian, pendukung orientalis cuba merombak metodologi periwayatan yang menjadi ketulenan warisan Islam agar membentuk kerangka dasar mengikut falsafah Barat (Abullais, 2011). Antara mereka yang mengkritik ialah D.S Margoliouth, H. Lammens, Gotthelf Bergstrasser, C. Snouck Hurgronje, Ignaz Goldziher, anak muridnya Joseph Schacht,

dan selain mereka termasuk pemikir Nusantara, Kassim Ahmad dari Malaysia dan seangkatan dengan mereka. Kemampuan akal manusia sememangnya terbatas untuk berpaut dengan wahyu semata-mata. Oleh itu, bagi memahami dengan selamat menurut kaedah epistemologi Islam ke arah metafizik, ketuhanan, sistem nilai dalam kehidupan manusia adalah melalui inti pati hadith baginda Nabi SAW. Sebagaimana Allah SWT menegaskan di dalam surah *al-Hijr* (15): 9 yang bermaksud:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Sebuah riwayat daripada al-Miqdam bin Ma'di Karb RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا إِنِّي أُوْزِيْتُ الْكِتَابَ وَمِثْلُهُ مَعَهُ.

[Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab al-Sunnah, Bab fi Luzum al-Sunnah. Al-Albani berkata: Sahih, no hadith 4604]

Maksudnya: Sesungguhnya aku (Nabi Muhammad SAW) telah diberikan kitab al-Quran dan yang sama dengannya.

## **PERNYATAAN MASALAH KAJIAN**

Penulisan dan pengumpulan hadith secara rasmi sebenarnya telah berlaku sejak zaman pembukuan pada akhir kurun pertama hijrah. Bahkan penulisan hadith berlaku sebelum kedatangan Ibnu Syihab al-Zuhri sehingga zaman kemuncak hadith-hadith Rasulullah SAW dibukukan. Namun, Ahamad Asmadi Sakat dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2009) telah menimbulkan dalam sebuah kenyataan di dalam karya mereka bahawa golongan Orientalis seperti Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht telah mengkritik keaslian pengumpulan hadith-hadith yang direkod dengan membawa pandangan dalam kajian dan pemikiran beliau bahawa semua hadith-hadith tersebut telah melalui proses hasil ciptaan dan rekaan ulama selepas kematian Umar bin Abd al-Aziz. Malah, Schacht mengkritik kenyataan hadith-hadith yang melalui penyampaian secara lisan kerana kritikan beliau mengukur dengan abad dan mengklasifikasikan hadith itu datang dari penerangan yang dibuat oleh penyampai hadith sendiri. Menurut Abdul Halim el-Muhammadi (1991) golongan Barat sendiri mengakui tujuan pengumpulan atau pembukuan hadith ialah memenuhi kehendak bukan disebabkan prasejarah semata-mata.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Secara umum, kajian ini dilakukan berdasarkan pernyataan masalah bertujuan untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan berikut seperti, menimbulkan keraguan mengenai pemikiran Joseph Schacht dalam kritikan hadith, mempertikaikan kritikan beliau dalam isu kronologi *Tadwin al-Hadith* dan mempersoalkan pandangan beliau yang rapuh ketika mendatangkan isu tersebut.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara ringkas, kajian ini diharapkan akan mencapai objektif seperti berikut iaitu pertama mengenal pasti pemikiran Joseph Schacht dalam kritikan hadith, kedua dapat mengenal pasti pemikiran Joseph Schacht dalam mengkritik kronologi *Tadwin al-Hadith* dan ketiga dapat

mengkaji pemikiran beliau yang rapuh dengan mengemukakan sanggahan daripada pandangan sarjana terhadap isu *Tadwin al-Hadith*.

## METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah kepustakaan secara deskriptif. Ia membincangkan isu metodologi pemikiran Joseph Schacht terhadap penulisan bahkan pembukuan hadith yang rasmi menyandang dengan pandangan orientalis Barat atas dasar *relativisme* sebagai falsafah mereka. Golongan mereka berusaha untuk mencalarkan imej sandaran dan ketulenan agama, kemudian sanggahan dikemukakan. Pembukuan hadith merupakan medium terpenting dalam memahami kaedah penerimaan hadith Rasulullah SAW sebenar yang disampaikan melalui susur jalur perawi hadith di samping menjaga keaslian sumber berdasarkan disiplin ilmu yang berkaitan dengan hadith dan ilmu-ilmunya. Sugiyono (2005) menjelaskan bahawa kaedah deskriptif merupakan suatu metodologi yang digunakan untuk menganalisis suatu sampel yang telah dikumpul dan membuat kesimpulan secara umum.

## LATAR BELAKANG JOSEPH SCHACHT DAN PENULISANNYA

Joseph Schacht dilahirkan di wilayah Ratibor Poland pada 15 Mei 1902. Berasal dari sebuah keluarga yang mementingkan keagamaan, ayahnya Eduard Schacht adalah seorang yang berpegang teguh dengan agama Kristian aliran Katholik Romawi dan bekerja sebagai guru sekolah. Manakala, ibunya bernama Maria Mohr (Zailani, 2002).

Pada tahun 1943, dia telah mengahwini seorang wanita berbangsa Inggeris, iaitu Louise Isabel Dorothy dan dikurniakan seorang anak perempuan. Berlatarbelakangkan pendidikan agama, ia menekankan keakraban terhadap tuntutan Kristian dan bahasa Hebrew, inilah yang menjadikan titik permulaan penting dalam kehidupannya dalam membantunya mendalamai pemahaman terhadap keagamaan (Lewis, 1970).

Perjalanan pendidikan Schacht bermula di tanah tumpah darahnya sendiri di Ratibor (Silsie, Jerman). Sejak kecil lagi dia mempelajari bahasa Hebrew dengan paderi di gereja, selain mempelajari bahasa-bahasa lain seperti bahasa Latin, Yunani, Perancis dan Inggeris di Humanistisches Gymnasium. Sehingga pada tahun 1920, dia melanjutkan pelajarannya di Breslau University dan Leipzig University, di sana dia diperkenalkan dengan pembelajaran berbentuk Filologi Klasik, Teologi dan bahasa-bahasa Timur (Zailani, 2002).

Pada tahun 1925, dia diangkat menjadi Dekan di Frilbourg University, manakala pada tahun 1929 dia menjawat jawatan sebagai pembantu profesor di universiti yang sama. Kemudian pada tahun 1932, Schacht berpindah ke Kingsbourg University, akan tetapi dia hanya bertahan seketika kerana berlaku konflik ketidakstabilan politik di Jerman.

Perantaraan tahun 1926–1933, Joseph Schacht sering menggembira perjalanan ke Timur Tengah dan Afrika Utara. Pada tahun 1930, dia telah diberi mandat peranan penting sebagai profesor pelawat di Universiti Fua'd Awal (kini dikenali sebagai Cairo University) selaku profesor sehingga tahun 1939 (Schacht, 1964).

Namun begitu, Perang Dunia Kedua menyebabkan Schacht terpaksa berundur dari bumi Mesir dan berpindah ke wilayah Inggeris. Di sana, dia mencipta pengalaman dalam mengurus unit informasi dan keselarasradio di BBC London Channel. Sepanjang pengalaman keberadaan Schacht di wilayah tersebut, menyebabkan dia diserap menjadi *naturalisation* dan berjaya menjadi warganegara di bumi Inggeris pada tahun 1947. Dalam masa yang sama, dia mengajar di Oxford University. Oleh sebab khidmat bakti dia sebagai pensyarah diangkat julung, Schacht menjawat sebagai penyelia dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 1948.

Rentetan itu, dia menjalankan beberapa aktiviti ‘*jaulah*’, sebagai contoh Schacht menjadi tenaga pengajar di Amerika Syarikat (1948), di Nigeria (1950), sebagai profesor

pelawat di Algeria University (1952), di Afrika Timur (1953), mendapat penghargaan akademik Master (M.A) pada tahun 1948 dan dia meraih Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 1952 di Oxford University (Lewis, 1970).

Pada tahun 1954, dia meninggalkan bumi Inggeris dan berpindah ke bumi Belanda (Netherlands) ketika menggalas jawatan sebagai pensyarah dalam bidang bahasa Arab di Leiden University. Semasa keberadaan di bumi Belanda, dia sering bermusafir membuat lawatan mahupun kerja-kerja berkaitan kajian akademik. Pada tahun 1957–1958, dia menjadi profesor di Columbia University pada musim panas dan kembali ke bumi Belanda pada tahun 1959, pada tahun tersebut dia menjadi penyelia terhadap buku kajian *Dai'rah al-Ma'arif al-Islamiyyah*. Schacht setia menetap di Belanda sehingga tahun 1969. Manakala pada tahun 1967 dia mendapat biasiswa lepas ijazah dalam major Kedoktoran dari Guggenheim. Tanggal 1 Ogos 1969. Schacht meninggal dunia di Englewood, New Jersey, United of America State (Zailani, 2002).

### **Antara Hasil Karya Penulisannya**

Kemahiran Schacht dalam memahami selok-belok Islam tidak terlepas dalam menghasilkan beberapa coretan yang dikarang selain dikenali sebagai pakar dalam bidang akademik. Antaranya ialah, kajian mengenai Manuskrip Arab, Kritikan ke atas Manuskrip Fiqh Islam, Kajian tentang Ilmu al-Kalam, Kajian mengenai Sejarah Sains dan Falsasah dan lain-lain lagi (Schacht, 1964). Dua hasil penulisan karyanya yang melonjak nama Schacht dalam persada penulisan ialah *The Origins of Muhammad Jurisprudence* (1950) dan *An Introduction to Islamic Law* (1960).

Buku pertama Schacht diterbitkan pada tahun 1950 banyak membincarkan perbahasan dalam bidang sejarah serta pembentukan hukum Islam. Secara umum dalam bab pertama, dia membincangkan mengenai sumbangan Imam al-Syafi'e, bab kedua, mengemukakan persoalan tentang perkembangan ilmu hadith pada zaman sebelum kedatangan Imam al-Syafi'e. Bab ketiga, dia membuat komentar dan kritikan terhadap permasalahan *transmission* ataupun dikenali sebagai *silsilah al-asanid* dalam ilmu hadith dari zaman sebelum era pemerintahan khilafah Bani Umayyah malah mengkritik terhadap alasan dan ulasan beberapa para ulama (Zailani, M. Ag, 2002).

Buku kedua dicetak pada tahun 1960 membincangkan banyak perkara mengenai format hukum Islam. Ia bukan mengemukakan pernyataan terhadap masalah hukum, namun ia lebih menyentuh aspek evolusi teologi awal masyarakat muslim dengan beberapa kritikan disiplin keilmuan secara umum. Lantaran, beberapa artikel yang dikeluarkan pernah ditulis oleh Schacht, antaranya adalah, “*Foreign Elements in Ancient Islamic Law*”, “*Adultery as an Impediment to Marriage in Islamic Law and in Canon Law*” dan “*A Revaluation of Islamic Tradition*” (Bernard Lewis, 1970).

## **PENILAIAN SCHACHT TERHADAP KEABSAHAN HADITH**

Sumber kesahihan pernyataan hadith perlu menuruti landasan yang ditetapkan para *nuqqad*. Namun, penilaian setiap susur galur menjadi pertikaian dalam dapatan kajian mereka. Mereka cuba menghasilkan kajian bagi menjatuhkan kredibiliti dan ketulenan hadith dan sumber ilmunya. Rasulullah SAW amat menekankan kepada umat Islam agar mempertahankan dua perkara yang telah diwasiatkan baginda menelusuri sabdanya yang diriwayatkan oleh Abi Hurairah RA:

إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيْكُمْ شَيْئِينِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَتِي وَلَنْ يَنْفَرِقَا حَتَّىٰ يَرِيدَا عَلَيَّ الْحُوْضِ.

Maksudnya: Sesungguhnya aku telah tinggalkan kepada kamu semua dua perkara yang mana dengan keduanya itu kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu Kitabullah dan Sunnahku. Kedua-duanya tidak akan terpisah sehingga ia sampai menemuiku di telagaku.

[Al-Hakim al-Naisaburi, al-Mustadrak ‘ala al-Sahihayn, Kitab al-‘Ilm. Al-Dhahabi berkata: Bahawa beliau mensahihkan dengan mengemukakan *syahid* yang terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*, no hadith 319]

Oleh itu, sejarah pembukuan al-Quran dan hadith mempunyai dua elemen penting dan signifikan. Al-Quran dibukukan pada zaman pemerintahan Uthman bin ‘Affan RA ketika beliau menjawat jawatan khalifah *al-Rasyidin* yang ketiga. Manakala hadith dibukukan (*al-Tadwin*) pada akhir abad pertama dan awal kurun kedua daripada hijrah, iaitu pada pemerintahan Umar bin Abdul Aziz (61-101H), pada masa tersebut ia ‘menutup’ pandangan pro dan kontra terhadap pelaksanaan bagi pembukuan dan penulisan (*al-Tadwin wa al-Kitabah*) hadith secara sekaligus (Umar, 2008).

Sebaliknya, persoalan yang ditimbulkan oleh tokoh pemikiran Barat ini ialah wujudnya kelompongan perawi dalam ‘penyampaian hadith’ melalui tempoh antara zaman baginda Rasulullah SAW dengan masa pembukuan hadith. Hal ini menyebabkan orientalis dan liberal barat menyangkarkan status keabsahan hadith sebenarnya terputus zaman bahkan mereka melemparkan pelbagai andaian yang tidak berasas (Mas’udi, Muhammad Idris, 2011). Mereka berpandangan dalam penelitian teks-teks hadith perlu dirombak semula malah mereka berusaha menyebarkan pengaruh dalam masyarakat Muslim agar goyah dalam pendirian mereka terhadap agama (Zailani, 2002).

Salah seorang daripada Orientalis Barat yang menggegarkan dunia Islam dengan pandangan tersebut dalam beberapa karya adalah Joseph Schacht, dia merupakan salah seorang daripada anak murid Ignaz Goldziher. Joseph Schacht dalam penulisannya banyak menyentuh aspek metode ilmu hadith dengan mengaitkannya kepada hukum Islam. Benard Lewis berkata: “*Schacht’s approach was neither theological or juristic, but rather historical and sosiological*” (Lewis, 1970). Maksudnya: “Pendekatan yang diguna pakai oleh Schacht bukanlah melalui kaedah teologi mahupun hukum, namun dia lebih cenderung mengeksplorasi hukum Islam dari perspektif sejarah dan sosiologi”.

Schacht berpandangan bahawa secara keseluruhan sistem *al-Isnad* mempunyai *validity* terhadap hadith yang dibawa oleh perawi melalui susur galur pada kurun kedua daripada hijrah. Namun begitu, Schacht telah membuat andaian bahawa rantaian sanad yang sampai kepada peringkat tabi’ tab’ein = } tabi’ien = } sahabat = } Rasulullah SAW mempunyai kelompongan berdasarkan konteks masa dan tempoh malah ia mendakwa kemungkinan terdapat pemalsuan terhadap hadith yang dibawa (Suhlul, 2012).

Antara hujah dangkal Schacht adalah pendapat Muhammad bin Sirin (w110H) yang menyatakan bahawa usaha untuk mengemukakan persoalan supaya meneliti *asanid* pada zamannya tidak diterima akal kerana berlakunya fitnah pada zaman tersebut (iaitu perang saudara) malah fitnah yang melibatkan pembunuhan khalifah al-Walid bin Yazid (w126H), iaitu zaman sebelum kejatuhan khilafah Bani Umayyah (Azami, 2000). Schacht membuat satu rumusan bahawa dengan nisbah pernyataan Ibn Sirin itu ialah analogi yang tidak berasas (Joseph Schacht, 1964). Bahkan dia juga melemparkan andaian yang menyatakan bahawa tujuan ‘hadith-hadith’ tersebut ‘diceduk’ untuk kepentingan peribadi supaya para *fuqaha* dapat ‘mengangkat diri’ bagi menarik pemerhatian khilafah Bani Umayyah (Schacht, 1964).

Menurut teorinya dari sumber lain (Ismail Yusuff et al 2011), ia berlaku pada akhir abad pertama daripada hijrah iaitu pada tahun 715 - 720M kepada golongan yang ‘istimewa’ sahaja berasal dari kalangan agamawan terulung berkembang membentuk sekelompok aliran fiqh

klasik yang bersifat *authentic* dan berpengaruh kerana menggunakan hadith sebagai hujah. Pada masa yang sama (akhir abad pertama dan awal abad kedua) segala keputusan hukum dalam agama diberi mandat kepada para *fuqaha'* yang memiliki autoriti dalam bidangnya. Sebagai contoh: Sanad menerusi Ibrahim al-Nakha'i (w95H) bagi madrasah di Iraq, Schacht berpendapat masyarakat awam pada ketika itu sepatutnya memiliki pandangan peribadi dan wajar menisbahkan kepada sesiapa sahaja tanpa dinisbahkan kepada pemuka agama (Mas'udi, Muhammad Idris, 2011).

Selain itu, Schacht mendakwa silsilah sanad dalam mazhab-mazhab fiqh klasik terdiri daripada kalangan ahli Madinah, Iraq, Syam dan Mesir. Ia berdasarkan '*uruf* (situasi) yang lama iaitu (*al-'uruf al-jahili*) yang tidak bersandarkan pada sumber asal. Kemudian, al-Imam al-Syafi'e dan datang 'orang' selepasnya cuba mencetuskan pandangan mazhab yang dianggap 'mencelup' kerana dakwaan Schacht menyatakan '*asanid*' dalam karya-karya fiqh klasik adalah 'data yang ditambah' (Umar, 2008).

Oleh demikian, secara ringkasnya pendirian Schacht terhadap ilmu hadith lebih menumpukan kepada dua perkara iaitu:

1. Schacht mempersoalkan aspek silsilah sanad hadith (*transmission text of hadith*) dan kecelaruan pemahamannya tentang metodologi *al-Kitabah* dan *al-Tadwin*.
2. Schacht juga mendakwa bahawa teks hadith hanya relevan pada waktu perawi itu hidup di zamannya sahaja bukan sepanjang zaman.

Melihat kepada teori yang diperkenalkan oleh Joseph Schacht, maka para sarjana telah mengemukakan beberapa bantahan terhadap pernyataan tersebut. Menurut Ahamad Asmadi Sakat dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2009) Joseph Schacht berpendirian bahawa beliau menolak usaha pengumpulan hadith-hadith yang direkodkan pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abd al-Aziz dan menganggapnya sebagai hasil ciptaan orang-orang yang berkepentingan pada zaman tersebut sehingga beliau menuduh sanad dalam agama Islam tu satu rekaan.

## **SANGGAHAN ILMIAH TERHADAP PEMIKIRAN JOSEPH SCHACHT**

### **Sanggahan 1: Kelayakan Perawi Diukur Berdasarkan Ulasan Sarjana Hadith**

Suhlul (2012) membuktikan bahawa permulaan yang berlaku pada abad pertama hijrah ialah ungkapan (*al-Qawl*) daripada Rasulullah SAW secara 'bersanad' kepada para Sahabat RA. Seterusnya, Mas'udi, Muhammad Idris (2011) menegaskan perkara tersebut selari dengan *concern on process* bagi periwayatan, setiap perawi hadith perlu dinilai dari sudut ketekunan dari sudut penghafalan dan akhlak yang dikenali *al-dabi* dan *al-'adalah*. Sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah *al-Nahl* 16, 43 bermaksud:

Oleh itu, bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan agama sekira kamu tidak mengetahui.

Sejajar dengan pandangan al-Dhahabi (2011) mengenai sifat *nuqqad* berdasarkan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*:

إِنَّ الْكَلَامَ فِي الرُّوَاةِ يَحْتَاجُ إِلَى وَرَعَ تَامٍ، وَبَرَاءَةٌ مِنَ الْهَوَى وَالْمَيْلِ، وَخَبَرَةٌ كَامِلَةٌ بِالْحَدِيثِ وَعَلَلَهُ وَرَجَالَهُ..

Maksudnya: Perbincangan tentang para perawi memerlukan kepada sifat warak yang tinggi, bebas daripada hawa nafsu dan rasa taksub serta berpengetahuan luas mengenai hadith, 'ilal hadith dan juga *rijalnya*.

Rentetan itu, merujuk kepada sifat perawi yang adil di sisi Ibnu Abdul Barr (Abdul Aziz Muhammad Ibrahim, 2012):

كُلُّ حَامِلٍ لِهَذَا الْعِلْمِ مَعْرُوفٌ الْعَنْيَةُ بِهِ فَهُوَ عَدْلٌ مَحْمُولٌ فِي أَمْرِهِ عَلَى الْعَدْلَةِ حَتَّى يَتَبَيَّنَ حَرْخُهُ..

Maksudnya: Setiap orang yang membawa ilmu ini (iaitu hadith) serta dikenali masyhur memberikan tumpuan terhadapnya, maka dia adalah seorang yang adil serta perlu dikelaskan kedudukannya sebagai bersifat ‘adalah sehingga dapat dibuktikan sifat *jarh*nya.

### **Sanggahan 2: Merungkai Perbezaan Konsep Pembukuan (*al-Tadwin*) dan Penulisan (*al-Kitabah*)**

Perbezaan antara metod ‘penulisan’ dan ‘pembukuan’ hadith (Umar, 2008) ialah:

1. *Al-Kitabah* (penulisan hadith) ialah catatan sahabat RA yang mendengar kalam Rasulullah SAW, ditulis dalam pelbagai bentuk dan keadaan tanpa mengikut susunan dan tertib sebagaimana metod sesebuah buku.
2. *Al-Tadwin* (pembukuan hadith) merupakan sistem yang diselaraskan mengikut kolektifikasi himpunan catatan hadith, ia dibukukan secara rasmi dan menjadi rujukan masyarakat ummah terhadap lembaran hadith Rasulullah SAW sebagai warisan agung kedua terbesar di samping pembukuan al-Quran.

Berdasarkan dua elemen di atas, analisis yang dapat dirumuskan melalui perbezaan metodologi *al-Kitabah* dan *al-Tadwin*, antaranya ialah:

### **Sanggahan 3: Menyingkap Sejarah Pembukuan Hadith (*Tadwin al-Hadith*)**

Pembukuan atau pengumpulan hadith secara rasmi berlaku sebelum zaman khalifah Umar bin Abdul Aziz. Ia telah wujud beberapa penulisan hadith pada zaman permulaan Islam bertapak sebagai khalifah selepas zaman pemerintahan khalifah al-Rasyidin. Permulaan pengumpulan hadith secara rasmi bermula pada akhir kurun pertama hijrah atau pada awal kurun kedua hijrah (Ahamad Asmadi Sakat & Wan Nasryrudin Wan Abdullah, 2009) sehingga kedatangan khalifah Umar bin Abd al-Aziz ketika beliau memegang tampuk pemerintahan khilafah Bani Umayyah keenam selepas zaman khalifah Sulayman bin Abdul Aziz dan sebelum kedatangan pemerintahan khalifah Yazid bin Abdul Malik, iaitu pada tahun 99 Hijrah (al-Dhahabi, 2011).

Pada permulaannya, Khalifah Umar telah mengutuskan seorang utusan kepada Abi Bakr bin Muhammad bin ‘Amr bin Hazm (w.120H), seorang *amil* dan *qadhi* di bumi Madinah, maka dalam suratnya, beliau telah memerintahkan kepadanya (Ibn Hajar al-Asqalani, 2001):

انظُرْ مَا كَانَ مِنْ حَدِيثِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَكْتُبْهُ، فَإِنِّي حَفْتُ دُرُوسَ الْعِلْمِ، وَذَهَابَ الْعُلَمَاءِ..

Maksudnya: Lihatlah (dengan teliti) daripada hadith Rasulullah SAW, maka catatkanlah (dalam lembaran kalian), hal sedemikian aku bimbangi akan berlaku hilang ilmu disebabkan ‘hilang’nya (meninggal dunia) para ulama.

Perintah tersebut telah menarik perhatian kebanyakan orang di Madinah agar hadith-hadith baginda SAW dibukukan. Kenyataan tersebut telah disokong oleh Abdullah bin Dinar (w.127H) yang menukilkan kata-kata Umar bin Abdul Aziz terhadap perkataan (*الْعُلَمَاءِ ذَهَابُ*). Ketegasan isu ini adalah pemerhatian beliau yang melihat fenomena yang berlaku apabila

ramainya para ulama *muhaddithin* mangkat semakin meningkat (Ahamad Asmadi Sakat & Wan Nasryudin Wan Abdullah, 2009).

Hal yang berlaku bertepatan dengan hadith baginda Rasulullah SAW daripada riwayat Abdullah bin ‘Amr bin al-‘Ash RA:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ اُنْتَرَاعًا يَنْتَرِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضٍ الْعُلَمَاءِ حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يُبْقِي عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُوُسَاءَ جُهَّاً لَا فَسِيلُوا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَاضْلُوا وَأَضْلُوا..

[Al-Bukhari, Sahih Al-Bukhari, Kitab al-‘Ilm, Bab *Kayfa Yuqbadhu al-‘Ilm*, no hadith 100]

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mencabut ilmu dari jiwa hamba, akan tetapi Allah akan mencabut ilmu itu dari para ulama dengan mematikan mereka sehingga apabila tiada ulama (untuk dirujuk), para manusia mengambil (ilmu) dari golongan jahil, maka disoal dan diminta kepada mereka, lalu mereka mengeluarkan kenyataan (berfatwa) tanpa ilmu, mereka sebenarnya sesat dan mereka menyesatkan orang.

Oleh yang demikian, khalifah Umar bin Abd al-Aziz telah berazam bagi mengumpul dan membukukan hadith-hadith pada zamannya. Rentetan itu, beliau membuat keputusan supaya melaksanakan pembukuan hadith-hadith baginda Rasulullah SAW dan mengekalkan ‘ pena’nya menjadi rujukan ummah terhadap penulisan karya-karya hadith. Abu Nu’aim al-Asbahani berkata di dalam *Tarikh al-Asbahani* (Ibn Hajar al-Asqalani, 2001):

كَتَبَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ رَحْمَةَ اللَّهِ إِلَى الْآفَاقِ: انظُرُوا حَدِيثَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاجْمِعُوهُ..

Maksudnya, Umar bin Abd al-Aziz telah berkata: Lihatlah kalian hadith-hadith Rasulullah SAW, maka himpunkanlah..

#### Sanggahan 4: Tiga Faktor Tujuan Pembukuan Hadith (*Tadwin al-Hadith*)

1. Kebimbangan khalifah yang meruncing kerana ramainya kematian para *muhaddithin* agung termasuk para sahabat dan tabi’ien.
2. Penyebaran hadith *mawdu’* dalam kalangan ahli bid’ah, seperti timbulnya golongan *al-Khawarij*, *al-Rawafidh* dan lain-lain *firqah* (kumpulan) yang bercanggah dengan metodologi Ahli Sunnah wa al-Jama’ah.
3. Kehadiran generasi selepas itu yang kurang sifat *al-dabt* (الضَّبْطُ) terhadap hadith-hadith Rasulullah SAW dan kelemahan mereka yang terserlah dari sudut penghafalannya (الحِفْظُ).

Secara umumnya, orang yang mula-mula menghantar hadith yang telah dibukukan kepada khalifah Umar bin Abdul Aziz ialah Ibnu Syihab al-Zuhri, beliau dianggap sebagai ‘pemudah cara’ supaya terhasilnya pembukuan hadith yang sedang berlaku ketika kemuncak era pemerintahan khilafah Bani Umayyah (Suhlul, 2012).

#### Sanggahan 5: Menyelongkar Penulisan Hadith (*Kitabah al-Hadith*) Pada Zaman Rasulullah SAW

Hadith sebenarnya telah ditulis dan ada dikumpulkan pada zaman Rasulullah SAW lagi atas perintah baginda Nabi SAW. Menurut Azami (2000), penulisan hadith pada zaman Rasulullah

SAW tidak wujud secara bersistem sepermulaan berlaku pada zaman *Tadwin al-Hadith* (pembukuan hadith). Rasulullah SAW milarang penulisan hadith dalam mana-mana lembaran melainkan penulisan al-Quran. Keutamaan baginda hanyalah mengkhususkan catatan wahyu sahaja dan melantik beberapa orang sahabat sebagai *Katib al-Wahyi* (penulis wahyu), antara mereka yang terlibat ialah: Mu'awiyyah bin Abi Sufyan RA, Zayd bin Thabit RA serta beberapa lagi kalangan Sahabat. Sebagaimana riwayat daripada Abi Sa'id al-Khudri RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَكْتُبُوا عَنِّي، وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلِيُمْحُهُ، وَحَدَّثُوا عَنِّي وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَّبَ عَلَيَّ قَالَ هَمَّامٌ: أَخْسِبُهُ  
قَالَ: مُتَعَمِّدًا فَلِيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

[Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Zuhd wa al-Riqaq, Bab al-Tathbit fi al-Hadith wa Hukm Kitabah al-Ilm, no hadith 3004]

Maksudnya: Jangan kalian mencatat apa yang aku tuturkan (iaitu hadith), maka sesiapa yang telah menulis segala perkataanku (hadith) selain daripada al-Quran, maka padamkanlah. Dan sesiapa yang berbicara mengenai pertuturanku ini (hadith) ia tidak mempunyai masalah (iaitu terbuka) dan bersyarat supaya tidak mendustai atas namaku (bersandar pada hadith). Maka, sesiapa yang mendustai atas pertuturanku ini (iaitu bersandar pada hadith) nescaya ia telah menempah satu kerusi untuknya di neraka Allah di akhirat kelak.

Jawiah Dakir dan Faisal Ahmad Shah (2005) menyatakan mengenai penegasan Rasulullah SAW dalam isu ini mempunyai dua sebab utama, iaitu:

1. Kriteria para Sahabat yang tinggi dari sudut *al-hifz* (kejituan ilmu) dan *al-dabt* yang tegar.
2. Pembukuan hadith secara rasmi tidak boleh disebarluaskan kepada masyarakat ketika itu kerana dibimbangkan akan berlakunya kesamaran dan kekeliruan dengan teks al-Quran.

Oleh itu, hasil daripada proses *al-Kitabah* dan *al-Tadwin* hadith ini telah mewujudkan karya-karya hadith muktabar yang direkod sehingga kini sebagai bukti hasil penelitian sanad para ulama bukan berpandu pada akal dan nafsu semata-mata (Abu al-Laith Khayr Abadi, 2011). Oleh itu, karya-karya yang berhasil menjadi rujukan umat dalam pelbagai peringkat seperti Imam al-Bukhari (w. 256H), Imam Muslim (w. 261H), Imam Abu Dawud (w. 275H), Imam al-Turmudhi (w. 297H), Imam al-Nasai'e (w. 303H) dan Imam Ibnu Majah (w. 279H). Bahkan, selain mereka ramai lagi sarjana hadith yang telah membukukan hadith sehingga menyusun kitab mereka berdasarkan 'abwab' (sub topik) dan 'kutub' (topik) bagi mengoreksi teks-teks hadith berdasarkan isu *fiqh* yang berkaitan masyarakat Islam sejagat seperti bab *al-'Ibadah*, *al-Mu'amalah*, *al-Munakahat* dan *al-Jinayah* (Ahamad Asmadi Sakat dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2009).

## KESIMPULAN

Pemikiran orientalis Barat terhadap ilmu hadith lebih bersifat kritikan yang mendukung budaya *scepticisme* dalam persepsi mereka. Ilmu ini dijadikan sasaran kerana hadith merupakan pintu masuk untuk memahami ayat-ayat al-Quran dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan pendalilan dan hujah dalam agama. Apa yang pasti golongan orientalis Barat sebenarnya cuba membuat satu pentafsiran baharu mengenai hadith dan ilmu-ilmunya untuk disesuaikan mengikut falsafah pemikiran mereka. Kalau dulu golongan *Mu'tazilah* dan *Rawafidh* (*Syi'ah*) dan beberapa *firaq* (kumpulan) membawa unsur-unsur penyelewengan dalam ilmu hadith kerana

dipengaruhi falsafah Yunani, tetapi hari ini golongan liberal dan orientalis telah mengguna pakai falsafah Barat ‘ciptaan’ mereka sendiri.

Hakikatnya, orientalis Barat cuba menolak autoriti agama di mana mereka memegang dasar *relativisme* sebagai falsafah metod mereka. Golongan mereka berusaha untuk mencalarkan imej sandaran dan ketulenan agama. Walau bagaimanapun, usaha yang dilakukan tidak akan berjaya kerana asas sandaran terlalu rapuh dan mereka hanya berpaut pada teori falsafah Barat semata-mata (Abullais, 2011). Usaha mereka itu amat bertentangan sekali dengan tuntutan syariat. Tuntasnya, kita tidak perlu terpengaruh dengan ulasan atau propaganda para Orientalis, tidak hairanlah sekiranya pandangan dan pemikiran Barat terhadap hadith sebenarnya adalah antara usaha yang cuba dilakukan bagi mencantas ilmu yang menjadi rujukan umat kerana keaslian hadith sebagai bukti kukuh kewujudan sejarah peradaban dan perundangan Islam di samping al-Quran dulu, kini dan selamanya.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (1983). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy'ath al-Sajastany. (1998). *Sahih Sunan Abu Dawud*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Saudi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Abdul Aziz Muhammad Ibrahim. (2012). *Dawabith al-Jarh wa al-Ta'dil ma'a Dirasah Tahliliyah Lubnan*: Dar al-'Abaykan.
- Abdul Halim el-Muhammadi. (1999). *Islam dan al-Hadith Satu Analisa ke Atas Usaha-Usaha Merosakkan Peribadi dan Autoriti Rasulullah SAW*. Selangor: Dewan Pustakan Salam.
- Abullais. (2011). *Ittijahat fi Dirasat al-Sunnah Qadimuhu wa Hadithuhu*. Bangi: Dar al-Syakir.
- Ahamad Asmadi Sakat dan Wan Nasryrudin Wan Abdullah. (2009). *Tinjauan Sejarah Pembukuan Kitab-Kitab Hadith & Rijal*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Azami. (2000). *Studies in Early Hadith Literature*. Jakarta: Pustaka Firdaus, terj: Ali Musthafa Ya'qub.
- Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*. Penyusun: Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. Al-Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham.
- Al-Farmawi, Umar Mohamed Abdul Mun'im. (2008). *Syubhat Hawl al-Hadith al-Nabawi al-Syarif 'Ardh wa Naqd*. Mesir: Maktabah al-Iman bi al-Mansourah.
- Al-Hakim al-Naisuburi. (1997). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Penilai: Al-Dhahabi. Penyemak: Muqbil Hadi al-Wadi'ie. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. (2001). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari li Abi Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari*. Saudi: Sahib al-Samiyy al-Malikiy al-Amir Sultan bin Abdul Aziz Aal Sa'ud. Penilai: Abd al-Qadir Syaibah al-Hamad.
- Ismail Yusuff, Muhd Najib Abdul Kadir, Jaffary Awang, Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid dan Fadlan Mohd Othman. (2011). *Persepsi Dan Penghujahan Islam Liberal Terhadap Kedudukan Al-Hadith*. Kertas Kerja ‘Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD)’. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Jawiah Dakir dan Faisal Ahmad Shah. (2005). *Pendekatan Tekstual Dalam Memahami Hadith Nabi SAW: Satu Analisis*, Kertas Kerja ‘Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD)’. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Lewis, B. (1970). *Joseph Schacht*. African: Bulletin of the School of Oriental and African Studies.
- Mas'udi, Muhammad Idris. 2011. *Kritik Atas ‘Projek Kritik Hadith Joseph Schacht’*, dalam M. Anwar Syarifuddin, *Kajian Orientalis Terhadap al-Qur'an dan al-Hadith*. Jakarta: UIN.
- Muslim, Muslim bin al-Hajaj al-Naisuburi. (2007). *Sahih Muslim*. Penyusun: Mohamed Tamer. Kaherah: Matba'ah al-Madani.
- Schacht, J. (1964). *An Introduction to Islamic Law*. Oxford: The Clarendon Press.
- Suhlul, Abu Fathimah al-Zahra al-Sayyed Ahmad Muhammad Suhlul. 2012. *Manahij al-A'imma al-'Alam fi Sunnah Khair al-Anam*. Mesir: Dar al-Islamiyah al-Mansourah. Sila rujuk: al-Dzahabi, Abu Abdullah Syams al-Din Muhammad bin Ahmad. (1992). *Siyar A'lam al-Nubala'*, (tahqiq): Syu'aib al-Arnaout.

- Sugiyono. (2005). *Memahami Penelitian Kualitatif*. Bandung: ALFABET.
- Al-Dhahabi, Muhammad Ahmad. (2011). *Al-Muqidhah fi Ilm Mustolah al-Hadith*. Penyemak: Abdul Fattah Abu Ghuddah. Mesir: Dar al-Salam.
- Zailani, M.Ag. (2002). *Kajian Sanad Hadith, Antara Joseph Schacht Dan M.M. Azami*, Kertas Kerja Diskusi Ilmiah Fakultas Ushuluddin Institut Agama Islam Negeri (IAIN). Indonesia: Sulthan Syarif Qasim, Pekan Baru.